

07/04/1997

Bina Ummah perlu babit tenaga profesional

KUALA LUMPUR, Ahad - Semua Umno bahagian diminta menggembelng tenaga profesional untuk melaksanakan program Bina Ummah dalam usaha memacu belia ke arah kecemerlangan dan menghindari gejala sosial.

Pengerusi Biro Agama Umno, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata program bina ummah yang berbentuk motivasi boleh menjadi ahli profesional yang berjaya sebagai model yang boleh diteladani.

Katanya, jawatankuasa program perlu dianggotai Ahli Parlimen, ketua bahagian, Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) dan ahli profesional seperti jurutera, doktor dan pendidik.

Menurutnya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu Sosial bersetuju membantu dari segi peralatan untuk menjayakan program anjuran jawatankuasa berkenaan.

Abdul Hamid yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, Majlis Kerja Tertinggi Umno dan pemimpin Umno peringkat bahagian juga sudah dimaklumkan mengenai mekanisme pelaksanaan program itu.

"Pemimpin Umno serta Barisan Nasional (BN) mempunyai kesedaran untuk membanteras penyakit sosial kerana mereka sudah diberi penerangan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 11 Mac lalu.

"Bagaimanapun, mereka mungkin tidak mempunyai model atau kaedah pelaksanaan," katanya kepada pemberita selepas menjadi panel program siaran langsung Cermin Diri terbitan TV3 di Pusat Islam di sini, hari ini.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Pengarah Urusan Excel Training and Consultancy, Datuk Dr Mohd Fadzilah Kamsah turut menjadi panel membicarakan tajuk 'Peranan Keluarga Dalam Menangani Gejala Sosial'.

Program Cermin Diri dibuat sempena seminar bertajuk 'Keluarga Bahagia Penyelesai Gejala Sosial' dianjurkan oleh Biro Sosial dan Pengaduan Awam dengan kerjasama Pemuda dan Wanita Umno.

Abdul Hamid berkata, beliau sendiri menjadi pengerusi Jawatankuasa Bina Ummah yang dijalankan di kawasanya di Sik, Kedah bagi melihat keberkesanan program berkenaan di kalangan remaja.

"Kita boleh mengadakan khemah kerja di masjid atau di mana-mana tempat yang turut disertai oleh ibu bapa remaja supaya program itu bukan berbentuk paksaan tetapi dapat memotivasikan golongan sasaran.

"Oleh itu, kita mahu orang berjaya di kawasan masing-masing tampil untuk berdepan dengan golongan muda termasuk pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah," katanya.

Menurutnya, kaedah musyawarah akan digunakan di peringkat semua bahagian untuk melaksanakan program berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang merancang mengumpulkan ibu mithali untuk berkongsi pengalaman dengan ibu bapa.

(END)